

**PENGKORPORATAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA:
TANGGAPAN PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**ABDUL RAZAK SALEH
MAHMOOD NAZAR MOHAMED**

PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

NOVEMBER 1996

ABSTRAK

Kajian ringkas ini dijalankan bagi mengumpul maklumat mengenai tanggapan pelajar Universiti Utara Malaysia terhadap cadangan kerajaan untuk mengkorporatkan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Kajian ini mendapati seramai 90.6% pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) adalah berumur tidak melebihi 24 tahun dengan peratusan pelajar yang sudah berkahwin seramai 3.8%. Seramai 82.1% pelajar masih mempunyai ibu-bapa yang tinggal bersama dan seramai 70.3% pelajar mempunyai bilangan adik-beradik yang ramai (4-9 orang). Lebih daripada separuh (69.2%) pelajar berasal dari keluarga yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM 1000.00. Purata pendapatan bulanan keluarga pelajar UUM adalah kurang daripada RM 1200.00. Seramai 69.2% pelajar menggunakan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk menampung kos pengajian mereka di UUM. Berdasarkan kepada latarbelakang yang telah dibincangkan, tanpa peningkatan (termasuk nilai biasiswa setahun) dalam menawarkan biasiswa atau pinjaman, kenaikan yuran pengajian selaras dengan pengkorporatan univesiti sudah tentu akan membebangkan lebih daripada separuh populasi pelajar UUM.

Pada masa ini ibu-bapa merupakan sumber pembiayaan utama (69.8%) bagi menampung kos pengajian diikuti dengan pinjaman kerajaan/agensi/swasta (45.5%) dan biasiswa kerajaan/agensi/swasta (17.6%). Seramai 63.0% pelajar tidak bersetuju untuk menanggung sebahagian daripada pertambahan kos operasi dan pembangunan hasil daripada pelaksanaan cadangan mengkorporatkan universiti. Walau bagaimanapun Pelajar bersetuju menanggung kurang daripada 20% semua kos perkhidmatan yang disenaraikan melalui yuran pengajian.

PERBINCANGAN

Sebanyak 1000 kertas soal selidik telah diedarkan kepada 1000 orang pelajar yang sedang mengikuti program sarjanamuda dan 100 orang pelajar yang sedang mengikuti program sarjana. Seramai 358 pelajar program sarjanamuda (35.8%) dan 15 orang pelajar sarjana (30.0%) telah memulangkan kertas soalselidik yang telah diedarkan. Tidak seorangpun pelajar yang sedang mengikuti program matrikulasi memulangkan kertas soalselidik.

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden mengikut tahun pengajian. Jelas menunjukkan kumpulan yang ramai memulangkan kertas soal selidik adalah terdiri daripada pelajar tahun 1 (34.3%) diikuti dengan pelajar tahun 3 (31.9%).

Jadual 1: Bilangan Responden Mengikut Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Kekerapan	Peratus
Tahun 1	128	34.3
Tahun 2	85	22.8
Tahun 3	119	31.9
Tahun 4	26	7.0
Siswazah	15	4.0
Jumlah	373	100.0

Tidak menjawab = 1 orang

Jadual 2 menunjukkan bilangan responden mengikut jantina. Pelajar perempuan lebih ramai (57%) memulangkan kertas soal selidik berbanding dengan pelajar lelaki (43.0%).

Jadual 2: Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	161	43.0
Perempuan	213	57.0
Jumlah	374	100.0

Bilangan responden mengikut program pengajian diberikan dalam Jadual 3. Pelajar daripada program Pengurusan Perniagaan merupakan kumpulan yang teramai memulangkan kertas soal selidik, diikuti dengan pelajar program Perakaunan dan program Teknologi Maklumat.

Jadual 3: Bilangan Responden Mengikut Program Pengajian

Program	Kekerapan	Peratus
BBA	128	34.4
BIT	54	14.5
BEc	47	12.6
BACCT	80	21.5
BPA	39	10.5
BTM	3	0.8
BHRM	6	1.6
MSc (Mgt)	15	4.0
Jumlah	372	100.0

Tidak menjawab = 2 orang

Taburan responden mengikut bangsa dipaparkan dalam Jadual 4. Pelajar berbangsa melayu merupakan golongan yang terbesar yang memulangkan kertas soal selidik (78.8%).

Jadual 4: Bilangan Responden Mengikut Bangsa

Program	Kekerapan	Peratus
Melayu	294	78.8
Cina	58	15.5
India	7	1.9
Bumiputra Sabah	5	1.3
Bumiputra Sarawak	9	2.4
Jumlah	373	100.0

Tidak menjawab = 1 orang

Purata Mata Gred Keseluruhan (PMK) responden dipaparkan dalam Jadual 5. Maklumat yang dipaparkan dalam jadual ini menunjukkan responden yang memulangkan kertas soal selidik terdiri daripada semua kelas ijazah yang dianugerahkan oleh UUM termasuk juga responden yang lulus bersyarat.

Jadual 5: Purata Mata Gred Keseluruhan

Program	Kekerapan	Peratus
≤ 1.99	2	1.0
2.00 - 2.49	20	9.5
2.50 - 2.74	25	11.9
2.75 - 2.99	38	18.1
3.00 - 3.30	63	30.0
3.31 - 3.74	48	22.9
3.75 - 4.00	14	6.7
Jumlah	210	100.0

Tidak menjawab = 164 orang

Peratus pelajar mengikut umur dipaparkan dalam Jadual 6. Seramai 90.6% pelajar adalah berumur 24 tahun atau kurang. Golongan pelajar yang berumur melebihi 40 tahun adalah merupakan sebilangan kecil sahaja iaitu 1.3%.

Jadual 6: Bilangan Pelajar Mengikut Umur

Program	Kekerapan	Peratus
≤ 20 tahun	80	21.5
21 - 24 tahun	257	69.1
25 - 28 tahun	19	5.1
29 - 30 tahun	1	0.3
31 - 35 tahun	3	0.8
36 - 40 tahun	7	1.9
> 40 tahun	5	1.3
Jumlah	372	100.00

Tidak menjawab = 2 orang

Jadual 7 menunjukkan majoriti pelajar belum berkahwin (96.2%). Hanya 3.8% pelajar sahaja yang sudah berkahwin.

Jadual 7: Bilangan Pelajar Mengikut Status Perkahwinan

Program	Kekerapan	Peratus
Sudah berkahwin	14	3.8
Belum berkahwin	358	96.2
Jumlah	372	100.00

Tidak menjawab = 2 orang

Maklumat mengenai status perhubungan ibu-bapa pelajar adalah penting dalam kajian ini kerana maklumat ini ada hubungan dengan sumber kewangan yang bakal diterima oleh pelajar. Jadual 8 menunjukkan 82.1% pelajar memaklumkan yang ibu-bapa mereka masih hidup dan tinggal bersama. Seramai 2.7% responden melaporkan yang ibu-bapa mereka telah berpisah. Seramai 14.4% telah kehilangan ibu atau bapa, manakala 0.8% pula telah kehilangan kedua-duanya sekali.

Jadual 8: Maklumat Ibu Bapa

Ibu Bapa	Kekerapan	Peratus
Kedua-dua masih hidup dan tinggal bersama	307	82.1
Kedua-dua masih hidup tetapi berpisah	10	2.7
Ibu telah meninggal	12	3.2
Bapa telah meninggal	42	11.2
Kedua-dua telah meninggal	3	0.8
Jumlah	374	100.0

Bilangan adik-beradik responden dipaparkan dalam Jadual 9. Seramai 45.2% atau 169 orang pelajar mempunyai 4-6 orang adik-beradik. Seramai 70.3% dari jumlah responden mempunyai bilangan adik-beradik yang agak ramai (4-9 orang). Purata bilangan adik-beradik responden ialah 5.9 orang (6 orang) dengan sisaan piawai sebanyak 2.70 orang. Ujian hipotesis nol iaitu purata bilangan adik beradik pelajar kurang daripada 5 orang telah dijalankan. Hipotesis ini telah ditolak pada paras keertian 5%. Dengan ini dirumuskan bahawa bilangan adik-beradik pelajar adalah melebihi 5 orang.

Jadual 9: Bilangan Adik-beradik

Bilangan Adik-beradik	Kekerapan	Peratusan
1 - 3	73	19.5
4 - 6	169	45.2
7 - 9	94	25.1
> = 10	38	10.2
Jumlah	373	100.00

Tidak menjawab = 1 orang

Pendapatan bulanan keluarga responden dipaparkan dalam Jadual 10. Lebih daripada separuh (69.2%) pelajar Universiti Utara Malaysia berasal dari keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM 1000.00 sebulan. Ujian bagi hipotesis nol : Min pendapatan bulanan keluarga pelajar adalah kurang daripada RM 1200.00, gagal di tolak pada aras keertian 5% ($\alpha = 0.05$). P-value untuk ujian ini ialah 0.8801. Oleh itu bolehlah disimpulkan bahawa min pendapatan bulanan keluarga pelajar adalah kurang daripada RM 1200.00.

Jadual 10: Pendapatan Bulanan Keluarga

Pendapatan, RM	Kekerapan	Peratus
< = 500.00	155	41.4
501.00 - 1,000.00	104	27.8
1,001.00 - 1,500.00	37	9.9
1,501.00 - 2,000.00	32	8.6
2,001.00 - 2,500.00	11	2.9
2,501.00 - 3,000.00	14	3.7
3,001.00 - 3,500.00	3	0.8
>3,500.00	18	4.8
Jumlah	347	100.0

Tidak menjawab = 27 orang

Jadual silang di antara pendapatan bulanan dan bilangan adik-beradik ditunjukkan dalam Jadual 11. Seramai 31.28% pelajar datang dari keluarga yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM 500.00 dan mempunyai adik-beradik diantara 4-9 orang. Seramai 55.26% dari jumlah responden yang mempunyai bilangan adik beradik yang ramai ($> = 10$ orang) mempunyai pendapatan bulanan yang kurang dari RM 500.00 dan 32.32% berpendapatan bulanan diantara RM 501.00 - RM 1000.00.

Jadual 11. Pendapatan Bulanan dan bilangan adik-beradik

Pendapatan		Bilangan Adik-beradik				Jumlah		
Kekerapan	Peratus	Per. Baris	Per. Lajur	1	2	3	4	
1				17	63	54	21	155
				4.55	16.84	14.44	5.61	41.44
				10.97	40.65	34.84	13.55	
				23.29	37.28	57.45	55.26	
2				27	49	18	10	104
				7.22	13.10	4.81	2.67	27.81
				25.96	47.12	17.31	9.62	
				36.99	28.99	19.15	26.32	
3				6	21	10	0	37
				1.60	5.61	2.67	0.00	9.89
				16.22	56.76	27.03	0.00	
				8.22	12.43	10.64	0.00	
4				12	13	6	1	32
				3.21	3.48	1.60	0.27	8.56
				37.50	40.63	18.75	3.13	
				16.44	7.69	6.38	2.63	
5				2	6	1	2	11
				0.53	1.60	0.27	0.53	2.94
				18.18	54.55	9.09	18.18	
				2.74	3.55	1.06	5.26	
6				4	6	3	1	14
				1.07	1.60	0.80	0.27	3.74
				28.57	42.86	21.43	7.14	
				5.48	3.55	3.19	2.63	
7				1	1	1	0	3
				0.27	0.27	0.27	0.00	0.80
				33.33	33.33	33.33	0.00	
				1.37	0.59	1.06	0.00	
8				4	10	1	3	18
				1.07	2.67	0.27	0.80	4.81
				22.22	55.56	5.56	16.67	
				5.48	5.92	1.06	7.89	
Jumlah				73	169	94	38	374
				19.52	45.19	25.13	10.16	100.00

Petunjuk:

- | | |
|-------------------|--|
| Pendapatan | 1: Pendapatan $<=$ RM 500.00 sebulan
2: Pendapatan diantara RM 501.00 dan RM 1000.00
3: Pendapatan diantara RM 1001.00 dan RM 1500.00
4: Pendapatan diantara RM 1501.00 dan RM 2000.00
5: Pendapatan diantara RM 2001.00 dan RM 2500.00
6: Pendapatan diantara RM 2501.00 dan RM 3000.00
7: Pendapatan diantara RM 3001.00 dan RM 3500.00
8: Pendapatan $>$ 3500.00 |
|-------------------|--|

- | | |
|---------------------|--|
| Adik-beradik | 1: 1 - 3 orang
2: 4 - 6 orang
3: 7 - 9 orang
4: $=>$ 10 orang |
|---------------------|--|

Jadual 12 menunjukkan seramai 58% (215 orang) pelajar telah bekerja sebelum memasuki Universiti Utara Malaysia. Daripada bilangan ini 36.3% (78 orang) telah bekerja sepenuh masa dan bakinya 63.7% (137 orang) bekerja separuh masa. Seramai 62.8% (135 orang) pelajar menggunakan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk menampung kos pengajian di Universiti Utara Malaysia.

Jadual 12: Peratusan Responden Yang Bekerja

	Kekerapan	Peratus
Bekerja	215	58.0
Tidak Bekerja	156	42.0
Jumlah	371	100.0

Tidak menjawab = 4 orang

Jadual 13 menunjukkan reaksi responden terhadap pertambahan dalam kos operasi dan pembangunan setelah universiti dikorporatkan. Seramai 133 orang responden atau 37.0% bersetuju untuk menanggung sebahagian daripada kos yang dimaksudkan manakala sebahagian besar responden (226 orang atau 63.0%) tidak bersetuju.

Jadual 13: Pelajar Menanggung Sebahagian Daripada Kos Operasi dan Pembangunan.

	Kekerapan	Peratus
Bersetuju	133	37.0
Tidak Bersetuju	226	63.0
Jumlah	359	100.00

Tidak menjawab = 15

Jadual 14 menunjukkan sumber pembiayaan kos pengajian responden di Universiti Utara Malaysia. Ibu-bapa merupakan sumber utama (69.8%) diikuti dengan pinjaman kerajaan/agensi/swasta (45.5%) dan biasiswa kerajaan/agensi/swasta (17.6%).

Jadual 14: Sumber Pembiayaan Pengajian

Sumber Pembiayaan	Jumlah	Peratus				
		≤ 20	21 - 40	41 - 60	61 - 80	≥ 80
Biasiswa	66 (17.6%)	0.3	1.1	4.3	5.1	7.0
Pinjaman Kerajaan	170 (45.5%)	0.5	2.1	12.8	13.4	16.6
Ibu bapa	261 (69.8%)	17.6	15.0	9.9	3.2	24.1
Pinjaman Peribadi	7 (1.9%)	1.3	0	0.3	0.3	0
Sendiri	38 (10.2%)	7.5	1.6	0.8	0	0.3
Majikan	1 (0.3%)	0	0	0	0	0.3
Suami/Isteri	0 (0%)	0	0	0	0	0
Lain-lain	15 (4.0%)	3.2	0.5	0	0	0.3


Jadual 15 dan Rajah 1 menunjukkan kualiti pengajaran yang diharapkan oleh pelajar setelah universiti dikorporatkan. Pelajar menyenaraikan Perkhidmatan Komputer, Perkhidmatan Perpustakaan, kualiti alat bantu mengajar, kemudahan makmal pembelajaran dan kemudahan fizikal bilik kuliah sebagai perkara utama yang perlu diberi perhatian bagi menjamin universiti menawarkan kualiti pengajaran yang tinggi.

Jadual 15: Kualiti Pengajaran Yang di Harapkan Setelah UUM di Korporatkan

Kualiti Pengajaran	1	2	3	4	5	3 - 5
Kebolehan Mengajar Para Pensyarah	1.3	0.5	3.2	18.5	76.3	98.0
Kemudahan Fizikal Bilik Kuliah	0.3	1.6	21.8	34.1	42.2	98.1
Perkhidmatan Perpustakaan	0.3	1.3	9.9	27.4	61.0	98.3
Pengalaman Tenaga Pengajar	0.3	2.4	15.4	31.4	50.5	97.3
Khidmat Prof. Pelawat Antarabangsa	1.9	14.3	43.4	22.4	18.1	83.8
Khidmat Prof. Adjung	1.9	10.5	47.3	23.0	17.3	87.6
Kepakaran Penyelidikan Pensyarah	0	3.0	22.9	38.8	35.3	97.0
Kualiti Penerbitan Ahli Akademik	0	3.5	21.9	29.9	45.1	96.5
Perkhidmatan Komputer	0.3	1.1	6.7	18.5	73.4	98.6
Perkhidmatan Internet	0.5	1.9	16.4	26.9	54.3	97.6
Kemudahan Makmal Pembelajaran	0.5	1.4	17.8	29.2	51.1	98.1
Peluang belajar dengan lebih ramai pensyarah kanan UUM (Prof. Madya dan Profesor)	0.5	6.8	18.9	39.2	34.6	92.1
Dapat belajar dengan Profesor Yang Terkenal/ Ternama	1.6	14.8	32.6	25.3	25.6	83.6
Kualiti Alat Bantu Mengajar Yang Digunakan	0.3	1.6	19.2	31.4	47.4	98.1
Kebebasan memilih program yang ditawarkan	1.3	3.0	12.4	25.1	58.2	95.7
Kebebasan memilih kursus elektif	0.5	2.7	11.9	27.5	57.4	96.8

- 1 = Amat tidak penting
- 2 = Tidak penting
- 3 = Penting
- 4 = Amat penting
- 5 = Teramat penting
- 3-5 = $3+4+5$

**Rajah 1: Kualiti Pengajaran Yang Diharapkan
Setelah UUM Dikorporatkan**



- A = Perkhidmatan Komputer
B = Perkhidmatan Perpustakaan
C = Kualiti Alat Bantu Mengajar Yang Digunakan
D = Kemudahan Fizikal Bilik Kuliah
E = Kemudahan Makmal Pembelajaran
F = Kebolehan Mengajar Para Pensyarah
G = Perkhidmatan Internet
H = Pengalaman Tenaga Pengajar
I = Kepakaran Penyelidikan Pensyarah
J = Kebebasan memilih kursus elektif
K = Kualiti Penerbitan Ahli Akademik
L = Kebebasan memilih program yang ditawarkan
M = Peluang belajar dengan lebih ramai pensyarah kanan UUM (Prof. Madya dan Profesor)
N = Khidmat Prof. Adjung
O = Khidmat Prof. Pelawat Antarabangsa
P = Dapat belajar dengan Profesor Yang Terkenal/Ternama


Pelajar memilih perkhidmatan Perubatan Am sebagai perkhidmatan sokongan yang perlu diberi perhatian utama oleh universiti (Jadual 16 dan Rajah 2). Ini diikuti dengan kemudahan tempat makan, kemudahan pengangkutan dalam kampus dan kemudahan tempat penginapan. Jelas menunjukkan kemudahan bersukan (8.7%) tidak menjadi perkara yang penting perlu diberi perhatian.

JADUAL 16 . Perkhidmatan Sokongan Yang di Harapkan Setelah UUM di Korporatkan

Perkhidmatan Sokongan	1	2	3	4	5	3 - 5
Kemudahan Tempat Penginapan Yang Mencukupi	0.5	0.8	6.2	18.1	74.4	98.7
Khidmat Perubatan Am	0	0.8	12.7	30.7	55.8	99.2
Khidmat Pergigian	0.5	1.6	33.4	29.9	34.5	97.9
Khidmat Perubatan Pakar	0.3	3.5	28.0	28.0	40.2	96.2
Kemudahan Bersukan	74.2	17.1	6.8	1.6	0.3	8.7
Kemudahan Riadah/Rekreasi	0.3	1.9	24.0	36.9	36.9	97.8
Aktiviti Berpersatuan Pelajar	1.1	3.2	34.1	34.3	27.3	95.7
Kemudahan Pengangkutan Dalam Kampus	0.8	0.5	8.6	25.3	64.7	98.7
Kemudahan Letak Kenderaan	0.5	4.3	34.0	28.8	32.3	95.2
Khidmat Kaunseling Peribadi	1.4	4.6	37.3	28.6	28.1	94.0
Khidmat Kaunseling Kerjaya	1.1	1.9	23.5	34.0	39.6	97.0
Kemudahan Menunaikan Ibadah	1.6	2.2	11.4	17.3	67.6	96.2
Kemudahan Membeli-belah	1.1	3.5	27.4	31.5	36.6	95.4
Kemudahan Tempat Makan	0.5	0.5	13.5	29.4	56.1	99.0
Kemudahan Tempat (Fizikal) Untuk Aktiviti Sosial	2.4	3.8	30.8	30.0	33.0	93.8

- 1 = Amat tidak penting
- 2 = Tidak penting
- 3 = Penting
- 4 = Amat penting
- 5 = Teramat penting
- 3-5 = $3+4+5$

**Rajah 2: Perkhidmatan Sokongan Yang Diharapkan
Setelah UUM Dikorporatkan**



- A = Khidmat Perubatan Am
- B = Kemudahan Tempat Makan
- C = Kemudahan Tempat Penginapan Yang Mencukupi
- D = Kemudahan Pengangkutan Dalam Kampus
- E = Khidmat Pergigian
- F = Kemudahan Riadah/Rekreasi
- G = Khidmat Kaunseling Kerjaya
- H = Khidmat Perubatan Pakar
- I = Kemudahan Menunaikan Ibadah
- J = Aktiviti Berpersatuan Pelajar
- K = Kemudahan Membeli-belah
- L = Kemudahan Letak Kenderaan
- M = Khidmat Kaunseling Peribadi
- N = Kemudahan Tempat (Fizikal) Untuk Aktiviti Sosial
- O = Kemudahan Bersukan

Jadual 17 memaparkan peratusan kos perkhidmatan yang sanggup ditanggung oleh pelajar melalui yuran pengajian. Secara ringkasnya bolehlah disimpulkan bahawa pelajar bersetuju untuk menanggung kurang daripada 20% bagi semua kos perkhidmatan yang disenaraikan. Walaupun begitu, terdapat sebilangan kecil pelajar yang sanggup menanggung diantara 81-100% kos pengajian (5.7%) dan penginapan (4.7%).

Jadual 17: Peratusan Kos Perkhidmatan Yang Sanggup Ditanggung oleh Pelajar Melalui Yuran Pengajian.

Perkhidmatan	% daripada kos keseluruhan perkhidmatan				
	10 - 20	21 - 40	41 - 60	61 - 80	81 - 100
a. Pengajian	43.1	28.9	15.4	6.9	5.7
b. Perubatan	73.1	19.2	4.1	2.5	0.3
c. Pergigian	77.2	16.1	3.5	2.6	0.6
d. Sukan	74.2	17.1	6.8	1.6	0.3
e. Riadah/Rekreasi	76.6	14.3	7.5	1.6	0
f. Perpustakaan	59.6	25.4	9.1	5.0	0.9
g. Makmal Komputer	58.2	24.4	10.4	4.7	2.2
h. Asrama/Penginapan	51.1	29.0	9.7	5.6	4.7
i. Letak kereta/motosikal	80.8	11.6	3.8	1.7	2.1
j. Pengangkutan dalam kampus	70.1	15.1	8.4	3.5	2.9
k. Kaunseling	74.9	14.4	4.5	4.5	1.7
l. Kemudahan Fizikal	67.4	18.4	8.9	3.3	2.0